

**Kerajaan Komited Lakukan Transformasi Bagi Pastikan Iklim Pelaburan
Kondusif – Idris
Bernama
Julai 13, 2011**

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Kerajaan komited untuk melaksanakan Program Tranfromasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), bagi memastikan iklim pelaburan di Malaysia kondusif sebaik mungkin, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Idris Jala.

Idris, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), berkata kerajaan bersedia untuk memudahkan pelaburan di negara ini, terutama sekali oleh sektor swasta, dengan menyediakan pelbagai inisiatif, yang termasuk menghapuskan halangan birokrasi dan menyediakan kelulusan pantas.

"Di bawah ETP itu, sektor swasta dijangka menyumbang 92 peratus daripada US\$444 bilion pelaburan keseluruhan untuk memastikan pertumbuhan mampan," katanya semasa menyampaikan ucapan pada majlis makan malam gala "The Edge Billion Ringgit Club & Corporate Awards 2011" di sini.

Daripada US\$444 bilion itu, katanya 73 peratus daripada keperluan pelaburan itu akan datang dari sumber domestik.

"Ini sangat penting bagi memastikan bahawa kita tidak menjadi mangsa trend dan kejutan global," katanya.

Idris berkata terdapat ruang bagi memastikan penambahbaikan di dalam ekonomi negara ini, dengan mengambil kira simpanan yang ketara berbanding jurang pelaburan sebanyak 12 peratus, yang lebih tinggi daripada negara maju.

Mengenai ETP, katanya ekonomi negara ini mengalami transformasi senyap sejak pengenalan program itu pada 25 Oktober tahun lepas.

Pelaburan swasta telah melepasi pelaburan awam bagi kali pertama sejak beberapa tahun sambil pelaburan berkembang 6.6 peratus pada suku pertama dan pelaburan langsung asing kini telah mencatatkan peningkatan dua kali pada suku pertama, katanya.

Bursa Malaysia, katanya telah mencatatkan rekod paras tertinggi dari Januari hingga Julai tahun ini, yang merupakan prestasi yang tidak pernah dicapai oleh bursa lain dalam sejarah kebelakangan ini.

Permodalan pasaran syarikat di bursa itu berkembang 21 peratus sejak Ogos tahun lepas dan ia telah dinaik taraf kepada Pasaran Baharu Muncul Maju dari pasaran Sekunder pada Jun oleh London FTSE, katanya.

-- BERNAMA